

**PENGARUH KEIBUBAPAAN, KEARIFAN  
TEMPATAN DAN KEBERAGAMAAN  
TERHADAP KEMATANGAN EMOSI DALAM  
PEMBENTUKAN STATUS IDENTITI DIRI  
REMAJA**

**PURWADI**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2017**

**PENGARUH KEIBUBAPAAN, KEARIFAN  
TEMPATAN DAN KEBERAGAMAAN  
TERHADAP KEMATANGAN EMOSI DALAM  
PEMBENTUKAN STATUS IDENTITI DIRI  
REMAJA**

oleh

**PURWADI**

**Tesis yang diserahkan untuk  
memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Doktor Falsafah**

**May 2017**

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala pujian dipanjatkan kepada Allah yang telah dengan Maha Kasih Sayang Nya sehingga Tesis ini boleh ditamatkan.

Terima kasih saya sampaikan dengan segala hormat dan penghargaan yang tinggi kepada penyelia utama Prof. Dr. Norzarina Binti Mohd Zaharim, yang telah dengan sangat tulus dan sabar sentiasa membimbing dan meberikan *support* serta sokongan yang tiada henti bagi menamatkan studi di Universiti Sains Malaysia ini.

Terima kasih juga saya sampaikan dengan hormat dan penghargaan yang tinggi kepada penyelia bersama Prof. Dr. Intan Hashima Binti Mohd Hashim, yang telah sentiasa mendorong dan memberikan sokongan bagi menamatkan studi.

Selanjutnya terima kasih juga saya sampaikan dengan hormat kepada Dr. Nor Malina Malek, selaku Dekan Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan Universiti Sains Malaysia yang telah memberikan kesempatan dan sokongan selama saya menjadi pelajar hingga tamat.

Tak lupa terima kasih dan pengahargaan juga saya sampaikan kepada Rektor Universiti Ahmad Dahlan Dr. Kasiyarno, M. Hum. dan Dekan Fakulti Psikologi yang telah memberi kesempatan dan sokongan untuk belajar, serta rakan-rakan pensyarah di Fakulti Psikologi Universiti Ahmad Dahlan yang sentiasa memberi doa dan dukungan bagi kejayaan belajar di Universiti Sains Malaysia ini.

Terima kasih secara khusus juga saya sampaikan kepada Istri tercinta Dra, Subyasti yang tiada henti sentiasa memanjatkan doa dan membesarkan hati demi kejayaan belajar di rantau, tak lupa pula terima kasih kepada anak-anak Muhammad Awaludin, Ambar Dwi Kusumasmarawati, ST., MT. dan Suami Ahmad Sofian Nashori, ST., MT. serta cucu Adzkiya Safwa Kusumasmarawati dan Fazila Syahira

Kusumasmarawati; Fathul Anwar Hidayatullah, S. Psi. beserta istri Romita Sari, ST., MT. yang sentiasa ikut membantu dengan doa dan sokongan bagi kejayaan dan menamatkan studi di Universiti Sains Malaysia.

Terima kasih tentu juga saya sampaikan kepada sesiapa dan mana-mana pihak yang tak boleh saya sebut satu persatu, yang juga telah memberikan apa-apa sokongan bagi kejayaan menamatkan studi di Universiti Sains Malaysia ini.

Seiring ucapan terima kasih juga saya bermohon kepada Allah kiranya berkenan menukar dengan yang lebih baik serta melimpahkan pahala surga atas semua kebaikan yang diberikan kepada saya. Aamiin.

Pulau Penang,

Purwadi  
Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan  
Universiti Sains Malaysia

## SENARAI ISI KANDUNGAN

Penghargaan	ii
Senarai isi kandungan	iv
Senarai lampiran	x
Senarai jadual	xi
Senarai rajah	xiii
Abstrak	xiv
Abstract	xv
<b>BAB I PENGENALAN</b>	<b>1</b>
1.0 Pendahuluan	1
1.1 Latar belakang kajian	1
1.2 Pernyataan masalah	11
1.3 Kepentingan kajian	16
1.4 Skop kajian	18
1.5 Persoalan kajian (Research Questions, RQs)	19
1.6 Objektif kajian (Research Objectives, ROs)	20
1.7 Hipotesis kajian	21
1.8 Definisi istilah	22
1.9 Rumusan	25
<b>BAB 2 SOROTAN KARYA DAN KAJIAN EPAS</b>	<b>26</b>
2.0 Pendahuluan	26
2.1 Pembentukan status identiti diri remaja	26
2.1.1 Remaja masa reformasi identiti diri	26
2.1.2 Remaja merupakan masa tempoh krisis	34

2.1.3	Unsur-unsur identitas diri	37
2.1.4	Status identitas diri	40
2.1.5	Pekembangan identitas diri	42
2.2	Gaya Keibubapaan ( <i>parenting style</i> )	45
2.2.1	Keluarga sebagai sistem	45
2.2.2	Gaya Keibubapaan	50
2.3	Kearifan Tempatan	54
2.3.1	Pengertian Kearifan Tempatan	54
2.3.2	Prinsip kehidupan masyarakat Jawa	56
2.4	Keberagamaan ( <i>Religiosity</i> )	60
2.4.1	Landasan keberagamaan	60
2.4.2	Perkembangan keberagamaan	62
2.4.3	Aspek-aspek keberagamaan	65
2.5	Kematangan emosi	68
2.5.1	Faktor mempengaruhi kematangan emosi	69
2.5.2	Ciri-ciri kematangan emosi	71
2.6	Kerangka Teori	74
2.6.1	Teori perkembangan psikososial	75
2.6.2	Teori status identitas diri	75
2.6.3	Teori gaya keibupakaan	76
2.6.4	Teori Ekologi	78
2.6.5	Teori keberagamaan	79
2.6.6	Teori kematangan emosi	81
2.7	Kerangka konseptual	82
2.8	Hipotesis kajian	87

<b>BAB 3 METODOLOGI KAJIAN</b>	90
3.0 Pendahuluan	90
3.1 Reka bentuk kajian	90
3.2 Populasi kajian	90
3.3 Peserta kajian	91
3.4 Prosedur kajian	96
3.5 Pembolah ubah kajian	99
3.6 Instrumen	99
3.7 Definisi operasi pemboleh ubah	104
3.8 Kajian rintis	107
3.8.1 Ujian keesahan instrumen	108
3.8.1(a) Instrumen keibubapaan	110
3.8.1(b) Instrumen kearifan tempatan	112
3.8.1(c) Instrumen keberagamaan	112
3.8.1(d) Instrumen kematangan emosi	113
3.8.1(e) Instrumen status identiti diri	113
3.8.2 Ujian kebolehpercayaan instrumen	116
3.9 Kaedah analisis data	119
<b>BAB 4 HASIL KAJIAN</b>	122
4.0 Pendahuluan	122
4.1 Pemerihalalan data kajian	122
4.2 Ujian pensyaratan pemodelan persamaan struktur ( <i>Structural Equation Modelling</i> )	129
4.2.1 Ujian analisis faktor pengesahan ( <i>confirmatory factor analysis</i> )	129
4.2.1(a) Pembolah ubah keibubapaan	130

4.2.1(b) Pembolah ubah keberagamaan	131
4.2.1(c) Pembolah ubah kematangan emosi	132
4.2.1(d) Pembolah ubah status identiti diri	133
4.2.2 Ujian analisis faktor pengesahan struktur model keseluruhan	134
4.2.3 Ujian kenormalan data	135
4.2.4 Ujian unsur luaran ( <i>outliers</i> )	137
4.2.4(a) Unsur luaran univariat ( <i>Univariate outliers</i> )	137
4.2.4(b) Unsur luaran multivariat ( <i>Multivariate outliers</i> )	138
4.3 Pengujian hipotesis	139
4.3.1 Penilaian tentang pemberat regresi bagi ujian sebab-akibat	141
4.3.1(a) Soalan kajian pertama (RQ1) dan ujian hipotesis	141
4.3.1(b) Soalan kajian kedua (RQ2) dan ujian hipotesis	142
4.3.1(c) Soalan kajian ketiga (RQ3) dan ujian hipotesis	143
4.3.1(d) Soalan kajian keempat (RQ4) dan ujian hipotesis	144
4.3.1(e) Soalan kajian kelima (RQ5) dan ujian hipotesis	144
4.3.1(f) Soalan kajian keenam (RQ6) dan ujian hipotesis	145
4.3.1(g) Soalan kajian ketujuh (RQ7) dan ujian hipotesis	146
4.3.2 Analisis hubungan langsung dan hubungan tak langsung	146
4.3.2(a) Soalan kajian ketujuh (RQ8) dan ujian hipotesis	148
4.3.2(b) Soalan kajian ketujuh (RQ9) dan ujian hipotesis	149
4.3.2(c) Soalan kajian ketujuh (RQ10) dan ujian hipotesis	150
4.4 Ringkasan hasil kajian	152
4.4.1 Ringkasan hasil kajian deskriptif	152
4.4.2 Ringkasan hasil kajian dan keputusan ujian hipotesis	152
4.4.3 Ringkasan hubungan langsung dan hubungan tak langsung	154

<b>BAB 5 PERBINCANGAN</b>	155
5.0 Pendahuluan	155
5.1 Perbincangan dapatan kajian	155
5.1.1 Dapatan secara deskriptif	155
5.1.2 Hasil pengujian hipotesis	164
5.1.2(a) Keibubapaan mempunyai pengaruh signifikan ke atas kematangan emosi remaja (Hipotesis 1)	164
5.1.2(b) Kearifan tempatan mempunyai pengaruh signifikan ke atas kematangan emosi remaja (Hipotesis 2)	169
5.1.2(c) Keberagamaan mempunyai pengaruh signifikan ke atas kematangan emosi remaja (Hipotesis 3)	173
5.1.2(d) Pengasuhan ibu bapa mempunyai pengaruh signifikan ke atas status identiti diri remaja (Hipotesis 4)	176
5.1.2(e) Kearifan tempatan mempunyai pengaruh signifikan ke atas status identiti diri remaja (Hipotesis 5)	179
5.1.2(f) Tahap keberagamaan berpengaruh signifikan ke atas status identiti diri remaja (Hipotesis 6)	182
5.1.2(g) Kematangan emosi berpengaruh signifikan ke atas status identiti diri remaja (Hipotesis 7)	185
5.1.3 Hubungan Langsung dan Hubungan Tak Langsung	188
5.1.3(a) Keibubapaan mempunyai pengaruh signifikan ke atas status identiti diri remaja melalui kematangan emosi (Hipotesis 8)	188
5.1.3(b) Kearifan tempatan mempunyai pengaruh signifikan ke atas status identiti diri melalui kematangan emosi (Hipotesis 9)	189
5.1.3(c) Keberagamaan memiliki pengaruh signifikan ke atas status identiti diri melalui kematangan emosi (hipotesis 10)	191
5.2 Implikasi dapatan kajian	193
5.2.1 Implikasi teori	193
5.2.2 Implikasi praktikal	200
5.3 Batasan kajian	202

5.4 Cadangan untuk Kajian Masa Hadapan	203
5.5 Kesimpulan	205
<b>RUJUKAN</b>	206

## SENARAI LAMPIRAN

	<b>Halaman</b>	
Lampiran A	Surat keizinan dari universiti ahmad dahlan	225
Lampiran B	Surat keizinan dari pejabat pemerintah daerah instimewa yogyakarta	226
Lampiran C	Surat keizinan dari pejabat pemerintah bandar yogyakarta	227
Lampiran D	Surat keizinan dari pejabat pemerintah kabupaten bantul	228
Lampiran E	Surat keizinan dari pejabat pemerintah kabupaten kulonprogo	229
Lampiran F	Surat keizinan dari pejabat pemerintah kabupaten gunungkidul	230
Lampiran G	Surat keizinan dari pejabat pemerintah kabupaten sleman	231
Lampiran H	Surat rayuan kepada responden	232
Lampiran I	Instrumen keibubapaan	235
Lampiran J	Instrumen kearifan tempatan	237
Lampiran K	Instrumen keberagamaan	239
Lampiran L	Instrumen kematangan emosi	241
Lampiran M	Instrumen status identiti diri	243
Lampiran N	Borang penilaian instrumen oleh pakar	346

## SENARAI JADUAL

	<b>Halaman</b>	
Jadual 2.1	Pencapaian status identiti diri	41
Jadual 3.1	Taburan peserta kajian mengikut daerahh asal	94
Jadual 3.2	Taburan peserta kajian mengikut faktor demografi	95
Jadual 3.3	Instrumen gaya keibubapaan	100
Jadual 3.4	Instrumen kearifan tempatan	100
Jadual 3.5	Instrumen keberagamaan	101
Jadual 3.6	Instrumen kematangan emosi	102
Jadual 3.7	Instrumen status identiti diri	103
Jadual 3.8	Kriteria penskoran instrumen	103
Jadual 3.9	Ujian kebolehpercayaan instrumen keibubapaan	117
Jadual 3.10	Ujian kebolehpercayaan instrumen kearifan tempatan	117
Jadual 3.11	Ujian kebolehpercayaan instrumen keberagamaan	118
Jadual 3.12	Ujian kebolehpercayaan instrumen status identiti diri sub-variabel penerokan	118
Jadual 3.13	Ujian kebolehpercayaan instrumen status identiti diri sub-variabel komitmen	119
Jadual 4.1	Frekuensi ciri keibubapaan	123
Jadual 4.2	Frekuensi tahap kearifan tempatan	124
Jadual 4.3	Frekuensi tahap keberagamaan	125
Jadual 4.4	Frekuensi tahap kematangan emosi	126
Jadual 4.5	Frekuensi status identiti diri	128
Jadual 4.6	Pengujian ketepatan pedoman ( <i>goodness-of-fit</i> )	129
Jadual 4.7	Ujian kenormalan data model	136
Jadual 4.8	Deskripsi nilai skor Z	137

Jadual 4.9	Mahalanobis <i>d-squared</i>	138
Jadual 4.10	Penunjuk Pengujian Ketepatan Padanan	141
Jadual 4.11	Hasil penganggaran	141
Jadual 4.12	Kesan langsung, kesan tak langsung, kesan keseluruhan pemboleh-pemboleh ubah kajian	147

## SENARAI RAJAH

	<b>Halaman</b>
Rajah 2.1 Kerangka konseptual kajian	87
Rajah 4.1 Analisis faktor pengesahan bagi gagasan keibubapaan (KIB)	130
Rajah 4.2 Analisis faktor pengesahan bagi gagasan keberagamaan (K)	131
Rajah 4.3 Analisis faktor pengesahan bagi gagasan kematangan emosi (KE)	132
Rajah 4.4 Analisis faktor pengesahan bagi gagasan status identiti diri (SID)	134
Rajah 4.5 Analisis faktor pengesahan bagi struktur mode keseluruhan	135
Rajah 4.6 Pengujian hipotesis	140
Rajah 4.7 Hubungan antara pemboleh-pemboleh ubah kajian	147

**PENGARUH KEIBUBAAPAN, KEARIFAN TEMPATAN DAN  
KEBERAGAMAAN TERHADAP KEMATANGAN EMOSI DALAM  
PEMBENTUKAN STATUS IDENTITI DIRI REMAJA**

**ABSTRAK**

Pembentukan identiti diri merupakan satu tugas remaja yang dipengaruhi oleh pelbagai faktor serta sering menimbulkan perasaan dan tingkah laku negatif. Kajian ini menerokai sebahagian daripada faktor-faktor ini. Secara spesifik, kajian ini bertujuan untuk menentukan pengaruh keibubapaan, kearifan tempatan, keberagamaan dan kematangan emosi terhadap pembentukan status identiti diri remaja. Peserta kajian ialah 625 orang remaja siswa sekolah menengah atas berusia 15-18 tahun di Daerah Istimewa Yogyakarta. Data kajian dikutip dengan menggunakan soal kajian yang meliputi instrumen keibubapaan, kearifan tempatan, keberagamaan dan status identiti diri yang dibina sendiri oleh pengkaji serta mempunyai koefisien kesahihan dan kebolehpercayaan yang baik. Kematangan emosi diukur dengan instrumen yang dibina oleh Rahayu (2007). Analisis *Structural Equation Modeling* menunjukkan bahawa: (i) kearifan tempatan dan keberagamaan mempunyai pengaruh signifikan terhadap kematangan emosi; (ii) keibubapaan tidak mempunyai pengaruh signifikan terhadap kematangan emosi; (iii) keibubapaan, kearifan lokal, keberagamaan, dan kematangan emosi mempunyai pengaruh signifikan terhadap status identiti diri; (iv) keibubapaan tidak mempunyai pengaruh signifikan terhadap status identiti diri melalui kematangan emosi; dan (v) kearifan tempatan dan keberagamaan mempunyai pengaruh signifikan terhadap status identiti diri melalui kematangan emosi. Hasil kajian ini boleh menjadi asas pengembangan konsep psikologi tentang perkembangan identiti diri remaja sekaligus menjadi asas pengupayaan perkembangan identiti diri remaja di Indonesia.

**THE INFLUENCES OF PARENTING, LOCAL WISDOM, AND  
RELIGIOSITY ON EMOTIONAL MATURITY IN THE DEVELOPMENT  
OF ADOLESCENTS' SELF-IDENTITY STATUS**

**ABSTRACT**

Developing a self-identity is a task for adolescents that often causes negative feelings and behavior as well as influenced by many factors. The present study explored some of the factors. Specifically, the study aimed to determine the influences of parenting style, local wisdom, religiosity and emotional maturity in the development of adolescents' self-identity status. Research participants were 625 upper secondary school students aged 15-18 years in Daerah Istimewa Yogyakarta. Research data were collected using a questionnaire consisting of instruments on parenting style, local wisdom, religiosity and identity status which were designed by the researcher and had good validity and reliability coefficients. Emotional maturity was assessed using an instrument by Rahayu (2007). Structural Equation Modeling analysis showed that: (i) local wisdom and religiosity had significant effects on emotional maturity; (ii) parenting style did not have a significant effect on emotional maturity; (iii) parenting style, local wisdom, religiosity and emotional maturity had significant effects on self-identity status; (iv) parenting style did not have a significant effect on self-identity status through emotional maturity; and (v) local wisdom and religiosity had significant effects on self-identity status through emotional maturity. The findings of this study can be used as a basis to develop a psychological conception of adolescents' identity development and to empower adolescents' identity development in Indonesia.

# **BAB 1**

## **PENGENALAN**

### **1.0 Pendahuluan**

Bab ini hendak membincangkan tentang pelbagai hal berkait dengan latar belakang kajian ini dijalankan, pernyataan masalah, kepentingan kajian, skop, persoalan, objektif kajian, dan diakhiri dengan definisi istilah

### **1.1 Latar Belakang Kajian**

Alam remaja merupakan salah satu fasa perkembangan dalam kehidupan manusia yang paling unik dan berbeza dengan fasa-fasa yang lain (Lerner & Steinberg, 2004). Hal ini kerana ia merupakan perpindahan daripada fasa kanak-kanak menuju ke fasa dewasa (Hoffman, Scott, & Hall, 1994). Ia juga disebut sebagai waktu transisi antara fasa kanak-kanak dengan fasa dewasa (Syamsu Yusuf, 2006). Kroger (2007) menyatakan bahawa alam remaja merupakan tahap perkembangan individu yang sangat penting kerana ia bermula dengan kematangan organ-organ fizikal (pemiakan) yang menyebabkannya mampu membiak. Pada fasa ini juga remaja sudah meninggalkan fasa kanak-kanaknya tetapi belum mencapai fasa dewasa, dan kerana itu ia mengalami krisis (Erikson, 1968).

Alam remaja melibatkan perubahan yang merangkumi perubahan jasmani, rohani, fikiran, perasaan dan sosial (Zakiah, 1976). Menurut Kroger (2007) pada masa ini terdapat perubahan paling asas yang meliputi aspek biologi, sosial dan kognitif. Perubahan-perubahan tersebut berlaku serentak dan ia mempengaruhi kehidupan peribadi, sosial dan keluarga.

Perubahan pada aspek biologi, bermula dengan perubahan fungsi organ pembiakan yang menimbulkan tarikan terhadap gender yang berlawanan (Sarlito Wirawan, 2013). Perubahan ini mempengaruhi pelbagai aspek kehidupan remaja (Sri Pujiati, Edy Soesanto, & Dwi Wahyuni, 2013). Dari faktor biologi (fizikal), remaja sudah kelihatan seperti orang dewasa dengan bentuk fizikal yang menyerupai bentuk fizikal orang dewasa. Tanda-tanda utama perkembangan ini adalah seperti mengalami mimpi basah (bagi anak lelaki) dan mula haid (bagi anak perempuan). Yudrik Yahya (2011) menyatakan bahawa peringkat ini berlaku perubahan bentuk tubuh yang sangat jelas yang membezakan antara bentuk fizikal anak lelaki dengan bentuk fizikal anak perempuan. Perubahan-perubahan tersebut akan memainkan pengaruh dalam aktiviti masing-masing dalam kehidupan peribadi sehari-hari, di sekolah, bersama-sama keluarga dan di dalam masyarakat.

Sementara itu, dari aspek kognitif pula golongan remaja mencapai fasa perkembangan kognitif memasuki fasa operasi formal. Pada fasa ini, golongan remaja menjadi sangat kritis dalam pandangan mereka dan mereka bersikap ingin mengetahui tentang setiap fenomena dan peristiwa yang berlaku di persekitarannya. Dalam peringkat tersebut juga, remaja telah mampu mengoperasikan kognitifnya secara abstrak dan mampu melakukan analisis besar dan berfikir secara hipotesis (Crain, 2007).

Seterusnya, perubahan dari segi aspek sosial pula, golongan remaja mengalami perubahan ikatan rangkaian sosial. Pada peringkat ini, remaja mengalami perubahan orientasi sosial dan merujuk kepada teman sebaya. Persekitaran dan budaya yang meliputi pergaulan dengan rakan sebaya juga akan mempengaruhi perkembangan sosial remaja (Bronfenbrenner, 1979). Syamsu Yusuf (2006)

menyatakan bahawa remaja lebih mudah menerima pengaruh daripada teman sepermainan berbanding pengaruh daripada ibu bapa atau guru. Pada fasa ini juga, remaja mengalami masalah psikososial ketika berinteraksi dengan persekitaran sosial mereka; umpamanya, mereka sering melanggar nilai dan norma masyarakat. Selain itu, pada fasa ini juga sering timbul perilaku agresif seperti konflik dengan sesama sendiri (Arief Nurtjahyo & Andik Matulesy, 2013). Bahkan, Nuri Aprilia dan Herdiana Indrijati (2014), mendapati bahawa perilaku agresif dalam kalangan remaja kian meningkat. Hal ini menyebabkan golongan remaja sering dipandang sebagai individu yang sering melanggar tatacara, etika dan peraturan yang ditetapkan atau norma yang berlaku dalam persekitaran sosial masyarakat.

Oleh kerana perubahan-perubahan tersebut, golongan remaja mengalami ketidakpastian mengenai aktiviti yang hendak dan harus mereka lakukan; golongan remaja mengalami ketidakpastian tentang peranan yang sepatutnya mereka mainkan (Baltes, 1988). Remaja banyak mengalami masalah dari segi menyesuaikan diri kepada diri sendiri atau kepada persekitaran mereka. Oleh itu, Marcia et al. (1993) melaporkan bahawa golongan remaja menjadi tidak pasti ketika menjalankan aktiviti dan menghadapi kesulitan dalam usaha mencari identiti diri mereka. Keadaan ini menyebabkan golongan remaja mengalami ketidakpastian status yang boleh menyebabkan krisis identiti diri berlaku kepada remaja.

Remaja sering menunjukkan sikap ragu dan ketaksaan (ambiguiti) perilaku, kerana mereka menginginkan penampilan personal tanpa ada campur tangan daripada ibu bapa atau orang dewasa yang lain. Selain itu, mereka juga ingin diberi perhatian dan perkhidmatan yang penuh. Di samping itu, golongan remaja juga mengalami konflik dalaman antara keinginan untuk menguruskan diri sendiri secara

personal dengan keperluan mendapatkan perhatian serta sokongan daripada ibu bapa dan orang dewasa lain. Pada masa ini, golongan remaja ingin melepaskan identiti kanak-kanak mereka dan ingin menampilkan prestasi seperti orang dewasa. Namun begitu, mereka masih belum mampu menemui identiti yang baharu, sehingga mereka mengalami krisis diri (Erikson, 1968).

Golongan remaja mesti berusaha mereformasi identiti diri mereka, kerana identiti diri yang sudah dibangunkan ketika zaman kanak-kanak dahulu ternyata sudah tidak sesuai lagi untuk mereka menghadapi pelbagai permasalahan setelah mereka menjadi remaja (Syamsu Yusuf, 2006). Selain itu, golongan remaja juga sering dipengaruhi perlakuan tidak konsisten yang mereka terima daripada pihak luar seperti ibu bapa dan orang dewasa yang lain. Situasi ambiguiti itu boleh menjadi punca berlakunya konflik dalaman dan menyebabkan krisis identiti dalam diri remaja yang membawa efek pada pelbagai aspek kehidupan (Lerner & Steinberg, 2004).

Ketika fasa remaja, identiti diri golongan remaja mengalami pembaharuan untuk penyesuaian terhadap perkembangan yang berlaku (Lerner & Steinberg, 2004). Pembaharuan ini berlaku akibat konflik dalaman yang bermula dari fasa peralihan itu. Oleh itu, mereka perlu segera mendapat penyelesaian yang baik melalui penyusunan semula (*reorganization*) atau penstrukturan semula (*restucturing*) identiti diri mereka (Lerner & Steinberg, 2004; Marcia et al., 1993).

Pencapaian status identiti diri semasa remaja adalah berbeza dalam kalangan sesama remaja. Status identiti diri ini merupakan pengkategorian identiti diri yang dibangunkan oleh Marcia et al., (1993), yang mengkategorikan status identiti diri kepada empat kategori, khususnya identiti pencapaian (*achievement*), moratorium

(*moratorium*), penutupan (*foreclosure*) dan penyerapan (*diffusion*). Hal ini menjelaskan bahawa pencapaian status identiti diri seseorang remaja itu berbeza berdasarkan bidang (*domain-domain*) tertentu. Ia juga mungkin menyebabkan seseorang remaja itu mempunyai status berbilang identiti pada suatu masa tertentu.

Identiti pencapaian (*achievement*) bermaksud bahawa jika remaja telah mempunyai alternatif yang jelas, maka mereka harus boleh membuat pilihan tentang tingkah laku yang sesuai dengan pilihan tersebut. Jelasnya, golongan remaja yang mengalami proses perkembangan yang baik, akan boleh mencapai status identiti tersebut (Marcia et al., 1993). Ringkasnya, remaja ini juga dijangka boleh menguasai pelbagai pengetahuan yang sangat luas serta boleh menampilkan komitmen diri yang tinggi.

Sementara itu, identiti moratorium (*moratorium*) pula merupakan bentuk identiti yang menunjukkan bahawa remaja melewati komitmen (Marcia et al., 1993). Walaupun demikian, remaja dengan identiti diri moratorium juga menunjukkan usaha aktif ketika mencari pelbagai maklumat yang berguna untuk menghadapi krisis pembentukan status identiti diri.

Seterusnya, identiti penyerapan (*foreclosure*) merupakan status identiti remaja yang menunjukkan bahawa mereka kurang aktif untuk mencari maklumat. Selain itu, golongan remaja ini juga lebih bersifat menerima pilihan-pilihan yang ditawarkan oleh ibu bapa tanpa mempertimbangkan alternatif lain (Marcia et al., 1993). Remaja dengan identiti diri ini mempunyai pengetahuan sangat kurang tentang pelbagai perkara sehingga menyebabkan mereka kurang menggunakan pertimbangan mereka ketika membuat sesuatu keputusan.

Di samping itu, identiti penyerapan (*diffusion*) pula merupakan identiti diri remaja yang menunjukkan bahawa mereka sedang mengalami kekeliruan dalam peranan yang berkaitan tentang siapa diri mereka serta apa yang ingin dicapai oleh mereka. Identiti terakhir ini merupakan identiti yang paling tidak menguntungkan kepada golongan remaja (Marcia et al., 1993). Hal ini kerana bagi golongan remaja yang mempunyai status identiti diri ini menunjukkan bahawa mereka tidak mempunyai prinsip dasar dalam kehidupan mereka sehingga menyebabkan mereka terumbang-ambing dan hidup dalam suasana krisis yang berterusan tanpa henti (Erikson, 1982).

Atas alasan yang dihuraikan tadi, maka sepatutnyalah golongan remaja dijangka akan mengalami kesulitan untuk mencapai status identiti diri (Kroger, 2007). Dalam realiti kehidupan masyarakat, jelaslah bahawa ramai daripada golongan remaja tidak mampu mencapai identiti pencapaian (*achievement*). Sebaliknya, ramai remaja yang hanya mampu mencapai status identiti penyerapan (*diffusion*). Syamsu Yusuf (2006) menguatkan lagi pendapat Erikson (1968) bahawa pencapaian identiti pencapaian (*achievement*) sangat diperlukan dalam perkembangan sihat serta kejayaan suatu generasi pada masa hadapan. Nyata sekali bahawa golongan remaja yang boleh mencapai identiti diri pencapaian (*achievement*) akan berjaya melingkari fasa-fasa perkembangan dalam kehidupan mereka.

Marcia et al. (1993) berpendapat bahawa status identiti diri pada masa remaja dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti keibubapaan, tokoh atau idola, keyakinan agama, harapan dan nilai-nilai sosial masyarakat, kelajuan perkembangan teknologi dan informasi, tahap perkembangan individu yang berkaitan, dan sebagainya. Namun begitu, kajian ini akan hanya menumpukan perhatian dari sudut yang terhad sahaja.

Hal ini kerana batasan kajian yang dinyatakan melalui objektif kajian, isu ini tidak akan mampu dikaji secara lebih mendalam, apa lagi hendak dikaji secara komprehensif kerana ia perlu melibatkan pelbagai perspektif pengkaji untuk memperoleh kajian yang mendalam.

Faktor utama yang mempengaruhi pencapaian status identiti diri ketika remaja adalah asuhan yang diperoleh daripada ibu bapa. Markstrom dan Stiles (2010) menyatakan bahawa keibubapaan memberikan sokongan utama terhadap proses sosialisasi, kebebasan, kematangan, kawalan diri, kemandirian, sifat ingin tahu, persahabatan, orientasi berprestasi dan nilai-nilai prososial anak. Andi Maulida dan Ratna Sari (2012) mengemukakan bahawa ibu bapa mempunyai peranan penting dalam pembentukan perilaku anak remaja.

Selain itu, keluarga juga mempunyai pengaruh terhadap perkembangan emosi anak dan anggota keluarga yang lain melalui gaya keibubapaan (*parenting style*) yang dilaksanakan semasa pengasuhan anak (Allen & Sheeber, 2009). Pengalaman yang diperoleh anak-anak daripada ibu bapa “melekat” dalam diri remaja sepanjang kehidupan mereka. Keluarga memberikan sokongan besar terhadap bentuk dan arah penerokaan serta komitmen identiti peribadi remaja (Hauser et al., 1984). Selain itu, Maratul Latifah dan Abdul Syani (2013) juga menerangkan bahawa keibubapaan sangat berpengaruh terhadap perilaku remaja.

Faktor kedua ialah proses pembentukan status identiti diri yang dipengaruhi oleh faktor nilai-nilai kearifan tempatan (*local wisdom*). Seseorang individu hidup dalam budaya persekitaran komuniti yang berbeza. Kajian Kroger (2007) menghuraikan bahawa pembentukan status identiti diri remaja berkait rapat dengan budaya tempatan (*local culture*). Budaya tempatan tentunya mempunyai nilai-nilai

luhur yang menggambarkan adanya nilai kearifan tempatan di kawasan tempat remaja itu berkembang. Lebih dari itu, setiap anak berinteraksi dengan masyarakat luas berbeza budaya (Bronfenbrenner, 1979).

Masalah yang menjadi tumpuan kajian ini ialah caranya nilai kearifan tempatan tersebut boleh mempengaruhi dan membentuk identiti diri remaja. Secara umum, dalam kearifan tempatan terkandung nilai-nilai budaya yang berorientasikan usaha memelihara norma-norma dan adat istiadat yang telah wujud sejak lama dahulu (Selo Soemarjan, 1991). Pada perspektif yang lain, remaja mempunyai kepentingan untuk selalu mencuba dan merasakan perkara-perkara baharu yang belum pernah mereka lakukan (Monks, Knoers, & Siti Rahayu, 2002). Tidak ada sesiapa yang boleh memastikan bahawa dalam usaha mereka mencuba perkara-perkara baharu tersebut mereka tidak mengalami kekeliruan (Syamsu Yusuf, 2006).

Faktor ketiga yang mempengaruhi proses pembentukan status identiti diri remaja ialah tahap keberagamaan, baik pada diri ibu bapa atau pun pada diri remaja itu sendiri. Tahap keberagamaan ibu bapa akan memberikan sokongan kepada proses perkembangan remaja melalui asuhan yang diberikan kepada anak-anak (Syamsu Yusuf, 2006). Penguasaan pengetahuan, pemahaman, sikap, keyakinan dan pengalaman yang berkaitan dengan agama yang dianuti, berpengaruh terhadap cara ibu bapa melaksanakannya dalam proses mengasuh anak. Hal ini dikuatkan oleh Mitchell, Robinson, Martin, Lee, dan Randolph (2013) yang menyatakan bahawa keberagamaan ibu bapa berpengaruh terhadap kerohanian remaja.

Selain ketiga-tiga faktor yang dijelaskan tersebut, ada juga faktor yang berkaitan dengan perkembangan individu itu sendiri, khususnya kematangan emosi.

Menurut Ainurrahman (2012), emosi merupakan aspek kejiwaan yang boleh menunjukkan kedudukan seseorang. Oemar Hamalik (1995) menyatakan bahawa kematangan ditunjukkan pada pencapaian dalam fasa perkembangan. Setiap individu mempunyai tahap pencapaian perkembangan emosi yang berbeza-beza. Secara umumnya, tahap kematangan emosi akan ternyata dalam bentuk kemarahan, kebahagiaan, kesenangan atau bentuk lain yang tidak tampak sebagai pernyataan emosi kanak-kanak (Kartini Kartono, 1999). Apabila emosi remaja itu matang, ketika dia menghadapi sesuatu keadaan atau peristiwa tertentu, dia tidak akan berfikir secara kebudak-budakan seperti semasa dia masih kanak-kanak.

Dimiyati Mahmud (1990) mengatakan bahawa seorang remaja yang telah mencapai kematangan emosi mampu menunjukkan pernyataan emosi seperti orang dewasa. Dia dapat mengendalikan diri dan bersikap rasional ketika menghadapi suatu masalah. Ia juga menyebabkan golongan remaja mampu mengendalikan diri mereka secara emosi ketika bertindak balas terhadap setiap stimulus yang hadir dalam kehidupan mereka. Lebih jelas lagi, Hurlock (2002) mengatakan bahawa kematangan emosi remaja juga sangat berpengaruh terhadap proses pembentukan status identiti diri remaja. Seperti yang dijelaskan oleh Fatchurahman (2012), kematangan emosi menyokong ke arah pembentukan identiti diri remaja. Tambahan lagi, Dusek (1987) menegaskan bahawa latar belakang keluarga, tuntutan dan harapan persekitaran masyarakat juga memberikan sokongan yang amat kuat terhadap sensitiviti emosi remaja.

Sementara itu, kematangan emosi pula dipengaruhi oleh beberapa faktor. Menurut Hurlock (2002), Eggen dan Kauchak (1994), dan Mahfudli (1995), faktor-faktor ini termasuklah situasi yang menyebabkan reaksi emosi, pengalaman yang

diperoleh daripada persekitaran sosial (termasuk keibubapaan dan nilai kearifan tempatan), nilai yang dianuti (termasuk nilai agama) dan pengalaman mengendalikan diri. Dengan demikian, pencapaian kematangan emosi menjadi sangat kompleks. Maka, kajian ini akan mengkaji kematangan emosi sebagai salah satu faktor penting dalam pencapaian status identiti diri remaja, dari perspektif keibubapaan, kearifan tempatan, dan tahap keberagamaan.

Seterusnya, Marcia et al. (1993) mendedahkan bahawa latar belakang ibu bapa memberi sokongan yang besar dalam proses pembentukan status identiti diri. Jelas sekali bahawa latar belakang keibubapaan juga dipengaruhi oleh tahap keberagamaan masing-masing. Selain itu, tahap keberagamaan remaja juga memberikan corak kepada pembentukan identiti diri remaja berkenaan.

Menurut Desmita (2005), seorang remaja yang mempunyai tahap keberagamaan yang baik akan mempunyai perilaku yang sesuai dengan tuntunan agama yang menyokong pembentukan identiti diri. Sebaliknya, tahap keberagamaan yang kurang baik pula menyebabkan seseorang individu menampilkan perilaku yang kurang baik pula. Zamzami Sabiq dan As'ad Djalali (2012) menyatakan bahawa keberagamaan seseorang boleh menyokong kemampuannya mengendalikan dan mengawal kehidupannya dengan baik.

Perkembangan dan pembentukan status identiti diri remaja di Daerah Istimewa Yogyakarta, juga tidak terlepas daripada pengaruh aspek keibubapaan, nilai kearifan tempatan, tahap keberagamaan dan kematangan emosi yang ada dan berkembang di daerah ini. Masalah pembentukan status identiti diri wujud kerana remaja belum mendapat orientasi yang cukup sehingga boleh menyebabkan masalah

identiti diri ini sering muncul sebagai satu kesulitan yang mengganggu proses pertumbuhan dan perkembangan mereka. Antaranya, mereka sukar untuk memilih sama ada ingin melanjutkan pelajaran ke universiti atau ingin memasuki alam pekerjaan.

## **1.2 Pernyataan Masalah**

Proses pembentukan status identiti diri remaja merupakan salah satu permasalahan paling asas yang dihadapi oleh remaja. Identiti diri menjadi sesuatu yang sangat khusus kepada diri individu, dan menjadi ciri yang membezakan antara remaja dengan orang lain. Identiti diri juga menjadi ciri khas seseorang remaja yang memudahkan orang lain untuk mengenalinya.

Identiti diri, yang merupakan ciri-ciri khusus seorang remaja, berperanan menentukan cara seseorang remaja bergerak balas kepada setiap rangsangan yang hadir. Oleh itu, kewujudan identiti diri ini sangat penting dalam kehidupan seseorang remaja bagi menjalani kehidupan sehariannya. Golongan remaja amat memerlukan pembentukan identiti diri secara lancar dan baik supaya boleh membantu proses perkembangan mereka untuk menghadapi masa hadapan. Hal ini seiring dengan hasil kajian Iga Serpianing dan Dewi Retno (2012) yang menyatakan bahawa remaja yang tidak memiliki identiti diri positif, berkecenderungan tinggi untuk menjadi lebih nakal.

Setiap individu (termasuk remaja) mencapai status identiti diri yang berbeza-beza. Hal ini berlaku kerana dipengaruhi oleh faktor-faktor yang berada di kawasan persekitaran individu berkenaan. Perkara ini menjelaskan bahawa variasi dan intensiti setiap faktor akan menentukan proses pembentukan status identiti diri

remaja. Pencapaian status identiti diri oleh seseorang remaja merupakan gambaran tentang cara remaja berkenaan meneroka dan memberi komitmen terhadap setiap faktor yang hadir.

Kemampuan golongan remaja meneroka dan memberi komitmen terhadap setiap rangsangan yang mereka hadapi akan menentukan status identiti diri yang hendak dicapai oleh mereka. Kajian Purwadi (2000) menegaskan bahawa remaja di Daerah Istimewa Yogyakarta mempunyai tahap penerokaan dan komitmen yang tinggi. Maksudnya, para remaja mampu meneroka seluruh sumber maklumat yang ada di persekitaran mereka, di samping mampu membina komitmen yang kuat (Purwadi, 2000). Pencapaian status identiti diri remaja dipengaruhi oleh pelbagai pemboleh ubah seperti keibubapaan, nilai-nilai kearifan tempatan, tahap keberagamaan, kematangan emosi, dan sebagainya.

Pencapaian status identiti diri kepada seseorang remaja bermakna dia harus menyedari kepentingan identiti diri itu kepada dirinya (Marcia et al., 1993). Golongan remaja seharusnya mencapai identiti diri hingga ke tahap pencapaian (*achievement*). Hal ini kerana golongan remaja yang tidak dapat mencapai identiti diri pada tahap pencapaian (*achievement*) akan mengalami kesukaran untuk membawa diri dalam pergaulan bersama-sama dengan rakan-rakan mereka ataupun untuk menampilkan diri mereka dalam masyarakat. Perkara ini menjelaskan bahawa identiti diri pencapaian (*achievement*) merupakan identiti diri yang mempunyai ciri kemampuan terbaik berbanding identiti diri yang lain. Tanpa identiti diri yang baik, para remaja akan mengalami kesukaran untuk menentukan pilihan kerana mereka tidak mempunyai pengetahuan yang cukup, walaupun jika mereka telah menentukan

pilihan mereka. Justeru, mereka akan terumbang-ambing dalam arus dinamik perubahan yang berlaku di persekitaran mereka.

Di Indonesia, kajian tentang pembentukan status identiti diri remaja boleh dikatakan masih sangat sedikit, menyebabkan sumber rujukan mengenai hal ini amat terhad. Misalnya, Purwadi (2000) telah menyiasat tentang identiti diri remaja dari segi unsur-unsur pembentukan, yakni penerokaan dan komitmen. Hasil kajiannya menyimpulkan bahawa terdapat hubungan signifikan antara keibubapaan dengan penerokaan dan komitmen remaja. Selain itu, kajian Purwadi juga mendapati bahawa tiada perbezaan dalam hal penerokaan dan komitmen antara gender, mahupun tempat tinggal asal mereka, sama ada desa mahupun kota. Selain itu, Muhammad Idrus (2003) juga melaporkan bahawa keibubapaan berpengaruh terhadap pembentukan status identiti diri. Berdasarkan hasil kajian tersebut, bolehlah disimpulkan bahawa proses pembentukan identiti diri remaja amat memerlukan kawalan ibu bapa melalui pengasuhan, terutamanya pengasuhan dalam lingkungan usia 15 tahun pertama (Marcia et al.,1993). Hal ini kerana dalam fasa tersebut, pengalaman pengasuhan yang tidak baik akan menjelmakan krisis yang berterusan, yang akan terbawa ke dalam perkembangan pada fasa-fasa berikutnya (Erikson, 1968). Masalah ini akan menyebabkan status identiti diri yang dicapai sangat besar kemungkinannya akan menyukarkan remaja untuk mencapai kejayaan pada masa hadapan.

Faktor lain yang dijangka boleh mempengaruhi proses pembentukan identiti diri remaja ialah budaya tempatan. Muhammad Idrus (2003) melaporkan bahawa budaya tempatan boleh menjadi media untuk menyampaikan nilai-nilai hidup melalui keibubapaan. Umpamanya, selama ini budaya masyarakat Jawa telah menjadi pembentuk gaya hidup yang bernilai luhur dalam kehidupan seharian remaja di

Daerah Istimewa Yogyakarta, kerana dalam proses pembentukan identiti diri, golongan remaja dipengaruhi oleh nilai-nilai luhur budaya masyarakat. Oleh itu, jelas bahawa setiap individu sentiasa terikat dengan budaya di tempat dia bertumbuh dan berkembang kerana dalam fasa perkembangan seseorang itu dia sentiasa berinteraksi dengan budaya setempat. Status identiti diri yang terbentuk tanpa dipengaruhi oleh budaya tempatan, boleh menyebabkan seseorang itu mengalami kesukaran untuk berinteraksi dengan masyarakat di persekitarannya dan menyebabkan dia berasa terasing.

Selain itu, identiti diri seseorang juga dipengaruhi oleh kehidupan beragama orang tersebut. Tahap keberagamaan yang dimiliki seseorang secara langsung ataupun tidak, boleh mewarnai cara dia berfikir, cara dia bersikap, mahupun berperilaku dalam kehidupan sehariannya (Hurlock, 2002). Ketaatan serta komitmen keberagamaan seseorang itu boleh memberi arah tuju kepadanya untuk menjalankan kehidupannya dengan baik (Triantoro Safaria, 2007). Oleh itu remaja yang kurang mempunyai kefahaman dan pengamalan beragama, dijangka tidak dapat mencapai tahap identiti pencapaian (*achievement*) dalam pembentukan identiti dirinya. Oleh itu, kajian ini akan meneliti persoalan sama ada tingkat keberagamaan seseorang remaja itu mempunyai hubungan dengan pencapaian status identiti dirinya.

Faktor lain yang dijangka akan mempengaruhi status identiti diri remaja ialah kematangan emosi. Kajian oleh Budi Astuti (2010) menunjukkan bahawa golongan remaja di Kabupaten Sleman Daerah Istimewa Yogyakarta yang mencapai tahap kematangan emosi kategori tinggi hanya 25.38%. Dapatan kajian ini jelas menunjukkan bahawa masih ramai golongan remaja yang mempunyai tahap kematangan emosi yang perlu dipertingkatkan lagi. Kajian Budi Astuti juga

menunjukkan bahawa 18.45% remaja di kawasan kajian tersebut mempunyai tahap kematangan emosi dalam kategori rendah. Hasil kajian tersebut memberi implikasi bahawa usaha untuk mempertingkatkan kematangan emosi amat penting untuk diteruskan. Keberhasilan untuk remaja mencapai status identiti diri pencapaian (*achievement*) amat memerlukan sokongan kematangan emosi yang baik, sebab jika kematangan emosi remaja masih rendah, besar kemungkinannya mereka tidak mampu untuk mengendalikan diri mereka; mereka akan bersikap meledak-ledak dan tingkah laku mereka bersifat seperti kanak-kanak. Dalam hal ini, hasil kajian Aprius Maduwita dan Fajar Kawuryan (2011) juga menyokong dengan menyatakan bahawa kematangan emosi yang tidak baik boleh menyebabkan perilaku agresif.

Kajian ini telah meletakkan kematangan emosi sebagai pemboleh ubah penyederhana (moderator) antara pemboleh ubah keibubapaan, kearifan tempatan, dan keberagamaan dengan pembentukan status identiti diri. Oleh itu, dinamik pemboleh ubah kematangan emosi menjadi sangat penting dalam pembahasan kajian ini.

Permasalahan yang ingin dikaji dalam kajian adalah pembentukan status identiti diri remaja, dilihat dari perspektif pengaruh keibubapaan, kearifan tempatan dan tahap keberagamaan. Perkara yang sering menjadi halangan dalam pembentukan identiti diri remaja mudah dijelaskan melalui pengaruh luar yang menyebabkan golongan remaja berkelakuan negatif, terutamanya melalui pergaulan mereka dengan rakan sebaya (Triantoro Safaria, 2007). Oleh kerana dalam fasa remaja mereka mengalami krisis identiti diri, sikap mereka menjadi suka melawan hukum, melawan nilai sosial dan perilaku-perilaku lain yang merugikan diri mereka sendiri dan orang lain (Erikson, 1968). Secara ringkas, pelbagai perilaku negatif dialami oleh remaja

kerana pada masa ini mereka sedang berada dalam krisis identiti (Purwadi, 2006). Umpamanya, mereka tidak mematuhi peraturan sedia ada sama ada di rumah, di sekolah, mahupun dalam masyarakat.

Oleh kerana itu, kajian ini tertarik untuk meneliti pembentukan status identiti remaja, ditinjau dari aspek-aspek yang merangkumi (a) pengaruh keibubapaan terhadap kematangan emosi, (b) pengaruh kearifan tempatan terhadap kematangan emosi, (c) pengaruh tingkat keberagamaan terhadap kematangan emosi, (d) pengaruh kematangan emosi terhadap pembentukan status identiti diri, (e) pengaruh keibubapaan terhadap proses pembentukan status identiti diri, (f) pengaruh nilai kearifan tempatan terhadap pembentukan status identiti diri, (g) pengaruh keberagamaan terhadap proses pembentukan status identiti diri remaja.

### **1.3 Kepentingan Kajian**

Berasaskan latar belakang dan pernyataan masalah yang dipaparkan pada bahagian awal bab ini, maka kajian ini diharapkan boleh memberikan manfaat dari segi teori dan praktikal. Dari segi teori, hasil kajian ini diharap dapat menyumbang kepada pengayaan sumber maklumat tentang kajian dalam bidang psikologi, terutamanya dalam bidang psikologi perkembangan. Kajian ini diharap boleh memberi sumbangan penting dengan memberi pencerahan terhadap pengaruh keibubapaan, kearifan tempatan, dan tingkat keberagamaan terhadap kematangan emosi.

Selain itu, kajian ini juga boleh menjadi sumber maklumat tentang pengaruh keibubapaan, kearifan tempatan, tingkat keberagamaan dan kematangan emosi terhadap pembentukan status identiti diri remaja. Oleh itu, sekali gus ia boleh

menerangkan peranan kematangan emosi sebagai pengantara (mediator) kepada hubungan antara pemboleh ubah keibubapaan, kearifan tempatan pun keberagamaan dengan status identiti diri sebagai pemboleh ubah bersandar.

Dari segi praktikal pula, kajian ini diharap boleh menjadi pedoman atau rujukan kepada golongan ibu bapa, golongan pendidik dan para pengkaji perihal perkembangan remaja supaya mereka dapat memahami golongan remaja dan mengasuh golongan remaja dengan baik. Dengan kefahaman ini mereka akan dapat mengawal dan memberikan arah tuju kepada golongan remaja supaya proses pembentukan status identiti diri golongan remaja akan bertemu kejayaan. Hasil kajian ini juga boleh menjadi sumber maklumat yang jelas kepada ibu bapa yang merupakan sumber sokongan yang rapat dari segi keibubapaan, kearifan tempatan, keberagamaan (religiosity), dan kematangan emosi dalam proses pembentukan status identiti diri remaja.

Selain itu, hasil kajian ini juga diharap boleh memberi maklumat jelas mengenai tahap sokongan yang disumbangkan oleh faktor keibubapaan, faktor nilai kearifan tempatan, faktor kadar keberagamaan (religiosity) dan faktor kematangan emosi dalam proses menyokong pembentukan status identiti diri remaja. Dengan demikian, kekuatan masing-masing faktor tersebut sebagai penyokong pembentukan identiti diri remaja dapat diketahui.

Seterusnya, kajian ini juga memberikan sumbangan ilmu kepada individu seperti pengasuh atau individu yang mengawal remaja ketika fasa perkembangan mereka untuk memudahkan mereka menjalankan peranan mereka. Di samping itu, hasil kajian ini juga diharap boleh dijadikan asas dalam penyusunan rancangan model keibubapaan yang boleh membantu keluarga memberikan daya penyokong

yang kuat dalam pembentukan identiti remaja. Hasil kajian ini juga boleh sumbangan sokongan nilai kepada kearifan tempatan dalam proses pembentukan identiti remaja demi masa hadapan supaya identiti remaja boleh terbentuk dengan baik. Dari segi faktor lain pula, tahap keberagamaan juga penting dikaji dalam pembentukan status identiti diri remaja supaya ia berlaku berterusan secara konsisten. Pemboleh ubah ini sangat penting untuk menyiapkan generasi seterusnya mencipta pembentukan identiti suatu bangsa.

#### **1.4 Skop Kajian**

Kajian ini menumpukan penelitiannya kepada remaja dari Daerah Istimewa Yogyakarta. Daerah Istimewa Yogyakarta merupakan salah satu daerah di Negara Republik Indonesia yang terdiri daripada Bandar Yogyakarta, Kabupaten Bantul, Kabupaten Kulonprogo, Kabupaten Gunung kidul, dan Kabupaten Sleman. Daerah Istimewa Yogyakarta dipilih menjadi kawasan kajian kerana pada satu sudut ia merupakan daerah yang telah mengalami kemajuan, manakala dari sudut yang lain daerah ini masih menerima pengaruh daripada budaya dan adat istiadat keraton Yogyakarta.

Bagaimanapun, golongan remaja dipilih menjadi subjek kajian kerana pada fasa remaja inilah berlakunya proses reformasi identiti diri yang merupakan fokus kajian ini. Remaja yang menyertai kajian ini terdiri daripada golongan pelajar Sekolah Menengah Atas (*Senior High School*) tahun kedua yang berumur antara 16 hingga 18 tahun. Pelajar Sekolah Menengah Atas dipilih dalam kajian ini kerana golongan remaja pada tahap ini sedang mengalami proses reformasi (pembentukan semula) identiti diri. Oleh kerana itu, hasil kajian diharap akan dapat menggambarkan proses pembentukan status identiti diri yang sebenar.

## 1.5 Persoalan Kajian (Research Questions, RQs)

Berdasarkan perbincangan dalam seksyen-seksyen sebelum ini, 10 persoalan kajian telah dirumuskan untuk dijawab dalam kajian ini. Persoalan-persoalannya adalah seperti berikut:

- Persoalan 1 (RQ1):** Bagaimanakah keibubapaan mempengaruhi kematangan emosi remaja di Daerah Istimewa Yogyakarta?
- Persoalan 2 (RQ2):** Adakah kearifan tempatan mempengaruhi kematangan emosi remaja di Daerah Istimewa Yogyakarta?
- Persoalan 3 (RQ3):** Adakah tahap keberagamaan mempengaruhi kematangan emosi remaja di Daerah Istimewa Yogyakarta?
- Persoalan 4 (RQ4):** Bagaimanakah keibubapaan mempengaruhi pembentukan status identiti diri remaja di Daerah Istimewa Yogyakarta?
- Persoalan 5 (RQ5):** Adakah kearifan tempatan mempengaruhi pembentukan status identiti diri remaja di Daerah Istimewa Yogyakarta?
- Persoalan 6 (RQ6):** Adakah tahap kebergamaan mempengaruhi pembentukan status identiti diri remaja di Daerah Istimewa Yogyakarta?
- Persoalan 7 (RQ7):** Adakah kematangan emosi mempengaruhi pembentukan status identiti diri remaja di Daerah Istimewa Yogyakarta?
- Persoalan 8 (RQ8):** Bagaimanakah kesan pengaruh keibubapaan terhadap pembentukan status identiti diri remaja di Daerah Istimewa

Yogyakarta, melalui kesan penyederhanaan pemboleh ubah kematangan emosi?

**Persoalan 9 (RQ9):** Adakah hubungan antara kearifan tempatan dengan pembentukan status identiti diri remaja di Daerah Istimewa Yogyakarta dipengaruhi oleh pemboleh ubah penyederhana (moderator) kematangan emosi?

**Persoalan 10 (RQ10):** Adakah hubungan antara tahap keberagamaan dengan pembentukan status identiti diri remaja di Daerah Istimewa Yogyakarta dipengaruhi oleh pemboleh ubah penyederhana (moderator) kematangan emosi ?

## **1.6 Objektif Kajian (Research Objectives, ROs)**

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

**Objektif 1 (RO1):** Untuk menjelaskan pengaruh pemboleh ubah keibubapaan, kearifan tempatan dan tahap keberagamaan terhadap kematangan emosi remaja di Daerah Istimewa Yogyakarta.

**Objektif 2 (RO2):** Untuk menentukan pengaruh pemboleh ubah keibubapaan, kearifan tempatan, tahap keberagamaan dan kematangan emosi terhadap pembentukan status identiti diri remaja di Daerah Istimewa Yogyakarta.

**Objektif 3 (RO3):** Untuk mengkaji pengaruh keibubapaan, kearifan tempatan dan tahap keberagamaan terhadap pembentukan status

identiti diri melalui pemboleh ubah kematangan emosi remaja di Daerah Istimewa Yogyakarta.

### **1.7 Hipotesis Kajian**

Pada bahagian ini, hipotesis yang dibina adalah masih merupakan ramalan awal kerana tiada keterkaitan antara variabel satu sama lain. Oleh itu, hipotesis yang boleh dibina dalam kajian ini adalah merupakan hipotesis nol ( $H_0$ ), seperti berikut:

#### **Hipotesis nol 1**

**( $H_0$  1):** Keibubapaan tidak mempunyai pengaruh signifikan ke atas kematangan emosi remaja di Daerah Istimewa Yogyakarta.

#### **Hipotesis Nol 2**

**( $H_0$  2):** Kearifan tempatan tidak mempunyai pengaruh signifikan ke atas kematangan emosi remaja di Daerah Istimewa Yogyakarta.

#### **Hipotesis Nol 3**

**( $H_a$  3):** Keberagaman mempunyai pengaruh signifikan ke atas kematangan emosi remaja di Daerah Istimewa Yogyakarta.

#### **Hipotesis Nol 4**

**( $H_0$  4):** Keibubapaan tidak mempunyai pengaruh signifikan ke atas pembentukan status identiti diri remaja di Daerah Istimewa Yogyakarta.

#### **Hipotesis Nol 5**

**( $H_0$  5):** Kearifan tempatan tidak mempunyai pengaruh signifikan ke atas pembentukan status identiti diri remaja di Daerah Istimewa Yogyakarta.

### **Hipotesis Nol 6**

**(H<sub>0</sub> 6):** Tahap keberagaman tidak mempunyai pengaruh signifikan ke atas pembentukan status identiti diri remaja di Daerah Istimewa Yogyakarta.

### **Hipotesis Nol 7**

**(H<sub>0</sub> 7):** Kematangan emosi tidak mempunyai pengaruh signifikan ke atas pembentukan status identiti diri remaja di Daerah Istimewa Yogyakarta.

### **Hipotesis Nol 8**

**(H<sub>0</sub> 8):** Keibubapaan tidak mempunyai pengaruh signifikan ke atas pembentukan status identiti diri melalui kematangan emosi remaja di Daerah Istimewa Yogyakarta.

### **Hipotesis Nol 9**

**(H<sub>0</sub> 9):** Kearifan tempatan tidak mempunyai pengaruh signifikan ke atas pembentukan status identiti diri melalui kematangan emosi remaja di Daerah Istimewa Yogyakarta.

### **Hipotesis Nol 10**

**(H<sub>0</sub> 10):** Keberagaman tidak mempunyai pengaruh signifikan ke atas pembentukan status identiti diri melalui kematangan emosi remaja di Daerah Istimewa Yogyakarta.

## **1.8 Definisi Istilah**

Antara beberapa istilah penting yang digunakan dalam kajian ini adalah seperti berikut:

**(a) Keibubapaan**

Keibubapaan adalah cara ibu bapa membesarkan anak mereka dan berinteraksi dengan anak (remaja). Ciri keibubapaan boleh menunjukkan sifat yang membolehkan (*enabling*) atau sifat sebaliknya, sifat yang membatasi (*constraining*) dalam hal memberi kesempatan kepada anak-anak untuk menyampaikan idea, pendapat dan perasaan mereka ataupun memberi kesempatan kepada mereka untuk berbeza pendapat yang melibatkan aspek kognitif dan afektif (Archer, 1994).

**(b) Kearifan tempatan**

Sartini (2004) mengatakan bahawa kearifan tempatan adalah gagasan-gagasan tempatan (*local*), nilai, norma yang bersifat bijaksana, penuh kearifan, bernilai baik, yang terpacu dalam ciri anggota masyarakat dan diikuti oleh mereka. Sementara itu, Kisia (2013) pula berpendapat bahawa kearifan tempatan adalah sumber pengetahuan yang dinamik, berkembang dan diteruskan oleh penduduk tertentu yang terpadu dengan pemahaman mereka tentang alam dan budaya sekitarnya. Berasaskan dua pendapat ini maka kajian ini menyimpulkan bahawa kearifan tempatan adalah nilai-nilai kebaikan, keutamaan dan kebajikan yang meliputi prinsip kerukunan dan prinsip hormat yang tumbuh dan dipelihara sebagai norma kehidupan seharian dalam jangka masa panjang dan kelihatan terpelihara di kawasan kajian ini.

**(d) Keberagamaan**

Keberagamaan (*religiosity*) menunjukkan sifat keterikatan seseorang itu kepada agamanya, sehingga dia menghayati dan mendalami ajaran agamanya

(Ghufron & Rini Risnawita, 2012). Keberagamaan juga ditakrifkan sebagai kedudukan manusia dalam hubungannya dengan Tuhan Yang Maha Kuasa, yang menimbulkan perasaan aman dalam diri mereka (Monks et al., 2002). Berasaskan kedua-dua definisi tersebut kajian ini mentakrifkan bahawa keberagamaan merupakan kedudukan seseorang dengan Tuhannya yang merangkumi dimensi keyakinan (ideologi), peribadatan (ritual), penghayatan (experiential), pengamalan (akibat) dan pengetahuan (intelektual).

**(e) Kematangan Emosi**

Menurut Bambang Mulyono (1992), kematangan emosi bererti kemampuan mencapai dan menyatakan perasaan seperti kepuasan, mencintai dan menerima cinta, ketakutan, kemarahan, yang wajar ketika berhadapan dengan pelbagai kenyataan dan kemungkinan dalam kehidupan. Gerungan (2000) menyatakan bahawa kematangan emosi adalah kesedaran yang mendalam terhadap sesuatu keperluan, keinginan, cita-cita, perasaan dan reaksi yang tepat terhadap sesuatu situasi. Oleh itu, kajian ini mentakrifkan kematangan emosi sebagai satu keadaan yang seseorang itu mampu menerima kenyataan diri sendiri dan orang lain tanpa bersifat impulsif; bahkan dia mampu mengawal emosinya, dia mempunyai sikap toleransi, dia berfikiran objektif dan dia tidak mudah kecewa.

**(f) Identiti diri**

Identiti diri (*identity*) pula dalam kajian ini bermaksud satu sifat peribadi sebuah diri seseorang yang berterusan; ia merupakan konsep subjektif dan bersifat dalaman mengenai dirinya sendiri sebagai seseorang individu (Reber & Reber, 2010). Identiti tersebut menjadi ciri yang membezakan antara seorang individu